

UMS RAIH PINGAT DALAM MTE KE-9

Oleh Salbinous Saribun



Universiti Malaysia Sabah (UMS) membuka kalendar 2010 dengan langkah kaki kanan apabila empat hasil penyelidikan yang dipertaruhkan berjaya meraih pingat dalam Malaysia Technology Expo (MTE) Ke-9, pada 4-6 Februari 2010 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

UMS berjaya memperoleh 1 pingat Perak dan 3 pingat gangsa daripada 499 produk keseluruhan peserta yang dipertandingkan pada pameran tersebut. Pingat Perak yang dimenangi oleh UMS disumbangkan menerusi penyertaan sulung Prof. Madya Dr. Patricia Anthony bertajuk "Context-Aware Home With Multi-Agent System". Manakala pingat Gangsa disumbangkan oleh Prof. Madya Dr. Ho

Chong Mun melalui produk beliau "Wholemth: Educational Game for Mathematics".

Produk bertajuk "Forest Tea-An Aromatic Herbal Tea From Wild Edible Plants of Sabah" oleh Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee turut menyumbang pingat gangsa kedua bersama hasil penyelidikan Shirley Bakansing yang bertajuk "Biodegradable Paper Pots Made From Mixture of Laran (Neolamarekia cadamba) and Banana (Musa sp.) Pseudostem Fibres yang turut mendapat pingat yang sama.

Pada expo penyelidikan tersebut UMS turut menerima beberapa maklumbalas positif daripada beberapa buah syarikat swasta dan orang perseorangan yang menunjukkan minat untuk

membuat padanan perniagaan dengan produk yang dibawa oleh penyelidik di universiti tersebut.

Sementara itu, pengerusi Penganjur MTE 2010 yang juga Timbalan Pengarah, Malaysian Association of Research Scientists (MARS) Dr. Wan Mansho W. Zin berkata, penganjuran MTE pada tahun ini adalah selaras dengan Program Malaysia Inovatif 2010 dengan menggalakkan inovasi dan kreativiti rakyat Malaysia. Tambahnya, penyertaan MTE tahun ini menerima sambutan yang amat menggalakkan yang mana turut menerima penyertaan buat pertama kalinya daripada beberapa buah negara luar seperti Rusia, Poland, Sepanyol, Croatia, Taiwan dan Korea selain penyertaan daripada Malaysia.